



# Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Unit Media

Jabatan Perancangan Korporat  
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Faks : 03-2694 1373

E-mel : akhbar@dbkl.gov.my

Tel : 03-2617 9812

( )dlm.DBKL / JPRK /

## SIARAN MEDIA

(Untuk siaran serta-merta)

### MAJLIS PELANCARAN LALUAN TAMBAHAN BAS GO-KL LALUAN HUB TITIWANGSA - MINDEF

**28 FEBRUARI 2019 (KHAMIS)**

- Kadar prestasi pencapaian penumpang sehari yang menggunakan perkhidmatan bas percuma Go-KL yang bermula pada tahun 2012 sehingga 2018 adalah sangat memberangsangkan. Sejak perkhidmatan Bas Go-KL ini diperkenalkan seawal tahun 2012, jumlah penumpang sehari adalah 8,450 orang sehingga tahun 2018 telah mencatatkan sebanyak 65,145 penumpang di mana peningkatan adalah sebanyak 671%.
- Dengan adanya perkhidmatan bas percuma ini di laluan-laluan yang strategik, maka iaanya dapat membantu meringankan beban kehidupan wargakota Kuala Lumpur khususnya, di samping dapat mengurangkan kesesakan trafik di pusat bandar. Ianya juga dapat memberi keselesaan, keselamatan dan merealisasikan ke arah bandaraya yang bebas karbon serta sihat didiami pada masa hadapan.
- Sempena dengan sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2019 Kementerian Wilayah Persekutuan melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur serta Syarikat Prasarana Sdn. Bhd. pada hari ini telah menambah satu lagi laluan baharu bas Go-KL iaitu laluan jingga atau orange line.
- Perasmian laluan baharu ini oleh YB Tuan Haji Khalid Bin Abd. Samad, Menteri Wilayah Persekutuan pada 28 Februari 2019 bertujuan untuk memperluaskan laluan ke kawasan berkepadatan penduduk yang tinggi, mensasarkan golongan B40, kawasan-kawasan Perumahan Kos Rendah (PPR), Perumahan Awam (PPA) dan Kompleks Kerajaan.
- Laluan Jingga (Orange line) sepanjang 10.4km ini akan bermula dari Hab Titiwangsa (Hentian Bas Pekeliling), melalui Jalan Tun Razak, Jalan Sultan Yahya Petra, Jalan Padang Tembak, Jalan Bukit Keramat, Persiaran Gurney, Jalan Raja Muda Abdul Aziz dan Jalan Pahang. Antara jajaran laluan tersebut meliputi kawasan kompleks kerajaan, hospital, universiti, sekolah, dan kawasan perumahan. Kekerapan bas untuk laluan baru ini adalah setiap 15 minit.

- Kawasan-kawasan laluan Orange line ini meliputi :-
  - i. Istana Budaya
  - ii. IJN
  - iii. PULAPOL
  - iv. UTM
  - v. Jabatan Pertahanan Awam
  - vi. MINDEF
  - vii. Gurney Heights
  - viii. Perumahan Pangsa Murni
  - ix. Uni KL
  - x. FELDA
  - xi. JUPEN
  - xii. SK. Jalan Gurney
  - xiii. SK. Raja Muda Abd Aziz
  - xiv. Kg. Baru Utara
  - xv. HKL
- Selain laluan 5 (Orange Line) yang bermula dari Hab Titiwangsa ke MINDEF, laluan 6 daripada PPR Sri Pantai ke Lrt Kerinchi juga akan dilaksanakan pada 1 April 2019.

Sekian.

Disediakan oleh :

Unit Media  
Jabatan Perancangan Korporat  
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur  
28 Februari 2019  
23 Jamadilakhir 1440H